



Kemala Indonesia

Fikiran Masyarakat, Vol. 5, No. 3, 2017  
ISSN No. 2338-512X

# Penghayatan Ihsan Sebagai Medium Pengukuhan Budaya Kerja Berintegriti

Nor Akrimi Binti Haji Mohd Ali, Anuar bin Puteh

Jabatan Pengajian Dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,

Universiti Kebangsaan Malaysia,

43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Email : kiemyali91@siswa.ukm.edu.my; anteh@ukm.edu.my

**Abstrak** – *Budaya kerja yang berintegriti adalah sebuah budaya kerja yang berdaya saing, mempunyai matlamat dan hala tuju yang jelas serta mempunyai suasana dan budaya yang berpaksikan moral dan akhlak yang baik. Budaya kerja berintegriti dapat meningkatkan kecemerlangan organisasi serta memberi kesan yang baik kepada kemajuan negara baik dari segi ekonomi, pembangunan dan kestabilan sesebuah negara. Namun bukanlah sesuatu yang mudah untuk mewujudkan budaya kerja yang berintegriti jika warga organisasi tidak mempunyai nilai ihsan iaitu nilai yang dimiliki oleh individu yang merasa dekat dengan Allah dan sentiasa melakukan kebaikan kerana merasakan tanggungjawabnya terhadap hak Allah. Kajian ini bertujuan untuk mengetahui hubungan ihsan dan integriti serta untuk mengetahui bagaimana penghayatan nilai ihsan memberi impak kepada budaya kerja organisasi. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan. Hasil perbincangan menunjukkan penghayatan ihsan akan menjadi motivasi kepada para pekerja untuk mengamalkan akhlak mulia, nilai baik, bersungguh-sungguh dan bertanggungjawab sehingga melahirkan satu budaya kerja yang berintegriti. Penghayatan ihsan juga akan menjadi pengawal kepada warga organisasi supaya tidak mengamalkan akhlak mazmumah, nilai buruk, rasuah dan sebagainya.*

**Kata kunci:** *Budaya Kerja, Ihsan, Integriti, Perspektif Islam*

## I. Pendahuluan

Budaya kerja adalah sistem aktiviti yang terhasil dalam sesebuah organisasi atau kumpulan (Singh 2001). Sistem aktiviti ini melibatkan idea, nilai, sikap dan kepercayaan di dalam sesebuah organisasi yang membentuk cara berfikir dan cara bertindak warga organisasi (Bruce 2009). Kesemua nilai-nilai dan kepercayaan ini kemudiannya dikongsi bersama oleh warga organisasi (Zainal 2003). Budaya kerja organisasi tidak hanya merujuk kepada bilangan nilai-nilai dan kepercayaan tetapi termasuk perilaku manusia di dalam organisasi juga (Zainal 2003). Manakala integriti adalah istilah yang menggambarkan keadaan atau sesuatu yang kukuh, sempurna, benar dan betul. Oleh itu budaya kerja berintegriti melibatkan sistem aktiviti yang menepati piawai yang betul dan sempurna. Kenneth Desson & Joseph Clothier (2010) berpendapat budaya kerja berintegriti melibatkan kejujuran, piawai etika yang tinggi, hasil yang boleh percaya dan kaedah yang kemas dan rapi. Manakala Dimitrios Belias & Athanasios Koustelios (2014) berpendapat budaya kerja integriti dilihat melalui budaya kerja yang kolektif, membina, inovatif, transparent dan mempunyai pekerja bermoral, dan diukur melalui kesetiaan pelanggan terhadap organisasi.

Kajian ini menyimpulkan budaya kerja berintegriti sebagai sebuah sistem aktiviti organisasi yang termasuk nilai, kepercayaan, matlamat serta perilaku pekerja yang sentiasa kukuh dan utuh dengan nilai yang baik. Hal ini termasuk mempunyai matlamat yang jelas dan betul, kod etika yang betul, pekerja yang memenuhi komitmen terhadap bidang kerjanya serta pekerja yang bermoral dan berakhlak mulia. Hasilnya budaya kerja berintegriti dapat membawa kejayaan kepada organisasi, manakala organisasi yang cemerlang dapat membawa kejayaan kepada negara. Namun untuk menghasilkan sebuah budaya kerja yang berintegriti, ia perlu bermula dari integriti individu kerana individu adalah komponen yang menggerakkan budaya kerja tersebut (Guido Palazzo 2007). Manakala untuk mengerakkan integriti individu, ia perlu bermula dengan rangsangan dalaman (Yusof Othman 2009). Rangsangan dalaman inilah yang akan dibincangkan dalam kajian ini iaitu akan menyentuh nilai ihsan yang merupakan salah satu aspek penting

dalam pengurusan Islam (Hassan al-Banna et al 2013). Ihsan adalah satu nilai yang berbentuk kesedaran dalam hati manusia untuk memperbaiki amalan dan melakukan kebaikan dengan ikhlas kerana merasa pengawasan Allah. Kertas kerja ini akan membincangkan penjiwaan nilai ihsan sebagai medium untuk memupuk integriti dalam diri individu, hasil daripada individu yang berintegriti akan melahirkan sebuah budaya kerja yang berintegriti.

## II. Pernyataan Masalah

Integriti bermaksud memilih melakukan perkara yang betul dan berusaha melakukannya walaupun orang lain tidak melakukannya (Carter 1996, Palenski & Yammarino 2007, 2009) serta dilakukan secara konsisten (Jamiah Manap 2005). Kebanyakan kajian lepas meletakkan maksud integriti sebagai nilai terpuji, etika, akhlak mulia (Yusof Othman 2009; Mustafar Ali 2009; Nooh Gadut 2009; Othman Mustafa 2012; Hanafi Hamdani 2015) dan keluhuran moral (Palanski & Yammarino 2007, 2009; New Oxford Dictionary 2005) yang merangkumi nilai kejujuran, ketelusuran, amanah dan jujur. Semua nilai, akhlak dan moral yang dinyatakan di atas sebenarnya merupakan perkara yang dikategorikan sebagai perkara yang betul dan benar. Oleh sebab itu pengkaji juga lebih cenderung memilih pernyataan “memilih melakukan perkara yang benar dan betul” sebagai maksud kepada integriti. Namun persoalannya bagaimana memotivasi manusia untuk melakukan perkara yang benar dan betul dalam kehidupan? Untuk menjadi manusia yang melakukan kebaikan, manusia perlu diingatkan kepada tujuan melakukan kebaikan tersebut. Manusia juga perlu diingatkan kepada manfaat dari kebaikan tersebut. Oleh itu aspek integriti dalam Islam perlu dihubungkan kepada persoalan dosa dan pahala, syurga dan neraka sehingga memotivasi manusia untuk melakukan kebaikan dan meninggalkan perkara keji. Nilai yang mengingatkan manusia kepada persoalan di atas merupakan nilai ihsan.

Namun hal ini kurang dititikberatkan dalam kajian barat. Pengkaji barat sentiasa mengkaji kaedah untuk mewujudkan dan mengukuhkan integriti, tetapi mereka tidak menghubungkan persoalan integriti kepada dosa dan pahala, syurga dan neraka sehingga menjadikan integriti sukar untuk dilaksanakan kerana amalan yang dilakukan hanya untuk mencapai kepentingan material dan dunia tanpa memikirkan kepentingan akhirat. Kajian dari perspektif Islam pula membincangkan integriti sebagai akhlak mulia yang harus dilaksanakan sebagai lambang manifestasi ibadah kepada Allah. Integriti juga seharusnya dilaksanakan kerana Allah menyukai kebaikan. Namun kajian-kajian tersebut kurang menceritakan bagaimana nilai ihsan dan integriti saling berhubungan. Justeru itu kajian ini akan membincangkan mengenai ihsan, bagaimana untuk menjiwai ihsan serta hubungan ihsan dan integriti.

## III. Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk analisis kandungan. Buku-buku serta artikel yang berkaitan dengan integriti, budaya kerja dan nilai ihsan digunakan bagi kajian ini. Perbahasan mengenai ihsan menggunakan rujukan daripada ayat al-Quran dan hadis serta ulasan ulama seperti al-Ghazali, Sayid Qutub dan sebagainya. Manakala perbahasan mengenai budaya kerja dan integriti kebanyakan menggunakan kajian-kajian lepas sama ada dari ilmuwan barat maupun Islam.

## IV. Konsep “IHSAN”

Maksud ihsan secara umumnya boleh diambil melalui al-Quran yang bermaksud berbuat baik. Firman Allah dalam surah al-Nisa' ayat 36 yang bermaksud:

\* وَاعْبُدُوا اللَّهَ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدِينِ إِحْسَنًا وَبِذِي الْقُرْبَى  
وَالْيَتَامَى وَالْمَسِكِينِ وَالْجَارِ ذِي الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَنْبِ  
وَابْنِ السَّبِيلِ وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا تُحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْتَالاً فَخُورًا

Maksudnya:

“... Dan berbuat baiklah kepada dua orang ibu-bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, tetangga yang dekat dan tetangga yang jauh, dan teman sejawat, ibnu sabil dan hamba sahayamu ...”

Imam al-Syaukani (2009) membahaskan perkataan *ihsanan* (berbuat baik) dalam ayat di atas adalah masdar untuk fi'il mahdzu' yang bermaksud *ahsinuu bil walalidain ihsaan* yang bermaksud berbuat baiklah kepada dua orang ibu bapa dengan sebaik-baiknya. Falih Muhammad (2009) memperincikan lagi ihsan kepada ibu bapa adalah mentaati mereka selama mana tidak menyimpang dari ajaran Islam, selalu memberi kebaikan serta menjauhi mereka dari kesusahan serta mendoakan dan memohon keampunan bagi mereka. Manakala ihsan kepada sahabat karib dan kaum kerabat adalah berbuat baik dan berlemah lembut kepada mereka serta melakukan perkara yang menyenangkan serta meninggalkan segala perbuatan yang menyusahkan mereka. Ihsan kepada anak yatim adalah menjaga harta dan hak-hak mereka seperti memberi pendidikan, kasih sayang dan sebagainya (Falih Muhammad 2009).

Allah juga berfirman dalam surah ali-Imran ayat 134:

الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَاءِ وَالْكَاظِمِينَ الْغَيْظَ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ  
وَاللَّهُ تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

*Maksudnya:*

*Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihi orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik.*

Tafsir Ath-Thabari (2007) mentafsirkan kalimat *al-muhsinun* pada kalimat di atas membawa maksud orang yang melakukan kebaikan dan kebajikan, manakala amal perbuatan iaitu (segala kebaikan) itulah yang dinamakan sebagai ihsan. Manakala Sayid Qutub (2000) mentafsirkan *al-muhsinin* sebagai golongan yang dikasihi Allah dan kasih kepada Allah. Atas dorongan rasa kasih kepada Allah akan menjadikan manusia mempunyai keinginan yang kuat untuk melakukan amal kebaikan (Sayid Qutub 2000). Setiap amal kebaikan adalah ihsan dan ihsan itu bersumberkan daripada tauhid dan keimanan kepada Allah (Sayid Qutub 2000). Ihsan juga termasuk menghindarkan diri dari perlakuan yang tidak baik (Imam Nawawi 2001). Makna ihsan dengan lebih terperinci boleh dirujuk melalui hadis Rasulullah ketika ditanya oleh Malaikat Jibril,

قَالَ : فَأَخْبِرْنِي عَنِ الْإِحْسَانِ, قَالَ : أَنْ تَعْبُدَ اللَّهَ كَائِنَكَ تَرَاهُ فَإِنْ لَمْ تَكُنْ  
تَرَاهُ فَإِنَّهُ يَرَاكَ.

*Maksudnya:*

*Beritahuhan kepadaku tentang ihsan". Nabi SAW menjawab: "Hendaklah engkau beribadah kepada Allah seakan-akan engkau melihat-Nya. Kalau engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihatmu".*

(Sahih Muslim, Kitab al-Iman : Hadis no. 9 dan 10)

Melalui hadis di atas, ihsan sebenarnya merupakan satu istilah yang penting bagi agama Islam kerana perkataan ini diajarkan oleh Allah melalui perantaraan Jibril bersama perkataan iman dan Islam. Ketiga-tiga perkataan ini diajarkan bersama menandakan ia saling berhubungan dan menjadi tiang kepada agama Islam. Perbahasan ihsan yang dikemukakan oleh Sayid Qutub (2000) dalam karyanya *Fi Zilalil Quran* dilihat mempunyai persamaan dengan penjelasan yang dikemukakan oleh al-Ghazali (1990). Menurut kedua tokoh ini, ihsan (amal kebaikan) lahir dari kesempurnaan iman dan Islam. Ihsan adalah buah atau hasil dari kebenaran iman dan pelaksanaan Islam. Apabila manusia mempunyai iman yang sempurna iaitu pengetahuan dan keyakinan yang mendalam terhadap Allah, berserta kesempurnaan Islam iaitu penerimaan dan kepatuhan sepenuhnya terhadap ajaran-ajaran Allah, maka lahirkan amal-amal kebaikan iaitu ihsan kerana rasa keyakinan dan ketundukan terhadap Allah. Rasa ketundukan dan ketaatan kepada Allah menjadikan setiap amalan dilakukan dengan ikhlas dan penuh keimanan sehingga merasakan seolah-olah Allah sedang melihat kita. Hal ini bermaksud manusia yang menyedari hakikat ihsan akan sentiasa memperlok dan memperbaiki amalan dan akhlak seolah-olah melakukannya di hadapan Allah.

Al-Ghazali (1990) dalam karyanya *al-Janib al-Athifi Min al-Islam, Bahts Fi al-Khulq wa al-Suluk wa al-Tashawwuf* turut menjelaskan ihsan merangkumi melakukan sesuatu melebihi keadaan asal selamat. Hal ini bermaksud, umat Islam seharusnya keluar dari kelompok yang hanya melakukan sesuatu di tahap yang sama, tetapi memperbaiki mutu sesuatu amalan dan perlakuan sehari-hari agar dapat menguasai segenap aspek kehidupan. Umat Islam digalakkan berihsan (meningkatkan mutu) dalam pendidikan dan pekerjaan agar tidak ketinggalan dari kaum lain dan

dapat memakmurkan bumi dengan ajaran Islam yang murni. Hal ini sekali gus akan mencapai salah satu matlamat penciptaan manusia ke muka bumi iaitu untuk menjadi khalifah di muka bumi. Firman Allah al – Baqarah 2: 30,

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَحْجَعُ فِيهَا  
مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدَّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي  
أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ

Maksudnya:

*Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berburuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu?". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya".*

Ihsan sebenarnya merupakan nilai yang dimiliki manusia yang sentiasa mengharapkan keredaan Allah dalam setiap aspek kehidupan. Manusia diciptakan untuk menjadi khalifah supaya menguasai kehidupan dan saling melengkapi antara satu sama lain. Oleh itu manusia perlu berbuat baik dan terbaik (ihsan) bagi merealisasikan tugas khalifah. Ihsan juga dimiliki oleh manusia yang mempunyai ilmu dan kesedaran terhadap manfaat dan tujuan melakukan sesuatu perbuatan. Manusia yang melakukan amal kebaikan menyedari bahawa dia melakukan kebaikan kerana mengetahui manfaat pahala yang akan diperoleh dan manusia yang meninggalkan amalan buruk menyedari dosa dari perkara tersebut. Manusia yang melakukan kebaikan juga sedar tujuannya melakukan kebaikan adalah untuk mentaati perintah Allah S.W.T.

Perkataan ihsan di dalam al-Quran meliputi keseluruhan aspek kehidupan manusia iaitu berbuat baik dalam perkara yang bersangkutan dengan akidah, ibadah dan muamalah seperti berbuat baik kepada kedua-dua ibu bapa, kaum kerabat, jiran tetangga, anak yatim, haiwan dan ia menjadi kewajipan kepada setiap Muslim.

Sabda Rasulullah :

*"Sesungguhnya Allah mewajibkan untuk berbuat baik (ihsan) terhadap segala sesuatu. Apabila hendak membunuh, maka bunuhlah dengan cara yang baik, apabila hendak menyembelih haiwan, maka sembelihlah dengan cara yang baik, iaitu dengan menajamkan pisau dan hendaklah membuat haiwan merasa nyaman".*

(Sahih Muslim, Kitab Ash-Shaid wadz-Dzaba`ih wamaa yu`kalu minal Hayawan. Bab: Al-Amru Bi`ihsaan adz- Dzabh. No. 1955)

Dapat disimpulkan ihsan adalah segala amalan dan perlakuan yang baik yang dilakukan secara bersungguh-sungguh dan konsisten dalam segenap aspek kehidupan demi memenuhi tanggungjawab manusia sebagai hamba dan khalifah di muka bumi. Sebagai hamba, manusia perlu melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah iaitu berihsan dalam hal ibadah dan akidah. Manakala sebagai khalifah di muka bumi ini, manusia perlu menunaikan tanggungjawab terhadap manusia iaitu dengan menunaikan hak-hak terhadap ibu bapa, jiran tetangga, rakan sekerja, dan sebagainya. Sebagai khalifah juga manusia bertanggungjawab untuk berihsan terhadap alam sekitar seperti haiwan dan tumbuhan.

## V. Hubungan Ihsan Dan Integriti

Manusia yang berintegriti secara ringkasnya adalah manusia yang sentiasa memilih kebaikan dan kebenaran dan mengekalkannya secara konsisten. Integriti juga didefinisikan sebagai pengetahuan, kesedaran, penghayatan dan pegangan teguh terhadap nilai-nilai murni secara berterusan dan disertai dengan komitmen menyeluruh terhadap nilai-nilai murni yang dipegang tersebut (Jamiah Manap et al 2005). Hal ini bermaksud manusia berintegriti mengetahui dan mempunyai kesedaran mengapa dia melakukan sesuatu kebaikan dan bersungguh-sungguh melakukan kebaikan tersebut. Dari perspektif Islam, tujuan manusia melakukan integriti (perkara yang betul) adalah untuk meraih keredaan Allah kerana Allah S.W.T sudah berfirman dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud:

وَأَنْفَقُوا فِي سَيِّلِ اللَّهِ وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى الْتَّهْلِكَةِ وَأَحْسِنُوا إِنَّ اللَّهَ تُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ

Maksudnya:

*Berbuat baiklah. Sesungguhnya, Allah menyukai orang-orang yang berbuat baik.*

Justeru integriti dan ihsan sebenarnya merupakan dua perkara yang mengandungi maksud yang sama. Hal ini kerana kedua-dua nilai ini menggambarkan seseorang yang kukuh, sempurna dan utuh peribadi, iaitu manusia yang menyanjung amalan kebaikan dan berusaha bersungguh melakukan perkara yang benar dan betul. Untuk melakukan integriti manusia memerlukan satu sifat yang mengawal dan mengingatkan mereka kepada dosa pahala. Hal inilah yang kurang dititik beratkan dalam kajian barat kerana mereka cenderung membincangkan integriti dari sudut psikologi dan memisahkannya dari sudut agama (Olson 2002). Namun jika manusia disulami dengan nilai ihsan, tidak sukar untuk memperoleh dan mengekalkan integriti.

Perbincangan integriti dan ihsan tidak terpisah, manusia yang mempunyai integriti sebenarnya sudah memiliki nilai ihsan kerana dia sedar perlu berintegriti dalam kehidupan kerana Allah SWT menyukai manusia yang melakukan kebaikan. Manusia yang menghayati dan menjawai nilai ihsan pula adalah mereka yang akan sentiasa melakukan kebaikan dan menunaikan tanggungjawab terhadap Allah, manusia dan alam sekitar kerana merasa Allah sentiasa memerhati dan mengawasi setiap amal perbuatan. Manusia yang mempunyai nilai ihsan akan berintegriti kerana sedar segala kebaikan yang dilakukan semata-semata untuk mengharapkan keredaan Allah. Melalui hubungan nilai ihsan dan integriti yang dinyatakan di atas dapat disimpulkan terjemahan integriti yang tertinggi dalam setiap Muslim adalah ketaqwaan kepada Allah S.W.T.

Kesan penghayatan nilai ihsan dalam kehidupan sebenarnya akan menjadi motivasi dan pengawal kepada tingkah laku manusia itu sendiri. Ihsan akan memotivasi manusia untuk melakukan amalan berintegriti serta menjadi pengawal kepada manusia untuk menghindari perkara yang tidak berintegriti. Tidak kiralah walau dimana manusia berada, ihsan akan memastikan integriti terus kekal dan kukuh sebagai identiti manusia.

### *5.1 Nilai Ihsan Menjadi Motivasi Budaya Kerja Berintegriti*

Menghadirkan perasaan seolah-olah Allah melihat perbuatan manusia akan memotivasi manusia untuk melakukan akhlak mulia (al-Ghazali 1990). Oleh itu warga organisasi yang menjawai ihsan akan melakukan akhlak mulia kerana sedar dirinya di awasi oleh Allah SWT. Warga organisasi yang menjaga akhlak akan melahirkan budaya saling menghormati dan toleransi di dalam organisasi. Ihsan juga akan melahirkan satu kepercayaan/tanggapan bahawa segala usaha yang dilakukan segala-galanya bergantung pada ketentuan Allah, jika warga organisasi mengalami kerugian, mereka tidak berputus asa tetapi tetap berusaha kerana yakin akan rezeki yang telah ditetapkan. Kepercayaan yang dipegang oleh warga organisasi ini akan dikongsi bersama sehingga mewujudkan warga organisasi yang ikhlas bekerja kerana Allah SWT.

Ihsan memotivasi ahli organisasi melakukan kerja dengan bersungguh-sungguh dan tekun. Hasil daripada kerja bersungguh-sungguh meningkatkan pencapaian organisasi. Warga organisasi yang bersungguh juga akan mengeluarkan manusia daripada berada di tingkat asal selamat kepada kerja yang lebih teliti dan berkualiti. Hasilnya akan mewujudkan sebuah organisasi yang mempunyai sistem urus tadbir yang cekap dan mantap. Ihsan juga akan menjadikan suasana dan budaya warga organisasi dipenuhi dengan amar makruf nahi mungkar. Jika warga organisasi melakukan keputusan yang salah, akan ada rakan yang membantah dan memberi nasihat dengan cara yang terbaik. Jika ada perselisihan, segala perselisihan itu akan selesai dengan cara *mujadalah* yang baik kerana sifat ihsan yang mengawal mereka dari berlebih-lebihan marah.

Budaya kerja yang disertai dengan nilai ihsan akan melahirkan budaya kerja yang berpaksikan kepada kebenaran (*siddiq*), kejujuran dan tanggungjawab (*amanah*), kebijaksanaan (*fatanah*) serta bersifat menyalurkan informasi (*tabligh*). Hasil dari penghayatan ihsan akan melahirkan satu budaya yang berteraskan nilai kebenaran (*siddiq*). Matlamat, misi dan visi, kod etika akan dilakukan dengan cara yang betul dan benar. Aktiviti-aktiviti di dalam organisasi juga sentiasa dilakukan dengan berpaksikan asas kebenaran dan kebaikan bukannya hanya mementingkan kepentingan dunia semata-mata tetapi mengharapkan kebaikan dari aktiviti-aktiviti tersebut. Ihsan juga menggalakkan budaya kerja berteraskan nilai amanah. Amanah merupakan sesuatu yang amat penting bagi sesebuah pengurusan kerana ia memberi kesan kepada kelangsungan sesebuah organisasi. Organisasi yang dicemari dengan sifat khianat akan meruntuhkan kredibiliti dan pencapaian sesebuah organisasi. Hal ini sekali gus membawa kerugian kepada organisasi. Seterusnya ihsan dapat menggalakkan budaya sentiasa berfikir (*fathanah*). Warga organisasi yang komited terhadap tugasnya akan sentiasa berlumba memikirkan idea baru bagi meningkatkan prestasi organisasi. Maka wujudlah hasil dan produk yang kreatif serta inovatif. Budaya kerja yang berpaksikan nilai ihsan juga akan melalui nilai tabligh. Budaya kerja berdasarkan tabligh adalah budaya kerja yang saling menyampaikan kebaikan dan mengingatkan satu sama lain. Budaya saling menyampaikan kebaikan dan menasihati ini akan menghindari warga organisasi dari akhlak mazmumah.

### *5.2 Nilai Ihsan Menjadi Pengawal Dari Amalan Tidak Berintegriti*

Kesedaran diri manusia bahawa Allah sentiasa memerhati segala gerak geri menjadikan manusia mengawal diri dan nafsunya dari melakukan amalan yang dimurkaai Allah. Budaya negatif seperti melepak, bergosip, bertangguh kerja tidak akan berlaku kerana mempunyai warga organisasi yang amanah dengan tanggungjawab yang telah dipertanggungjawabkan. Nilai-nilai murni yang dikongsi bersama dalam sesebuah organisasi juga memberi kesan

kepada setiap aktiviti dalam organisasi. Setiap aktiviti yang berlaku terkawal dari berlaku pembaziran, tidak bermanfaat dan membazirkan masa dan wang. Setiap aktiviti yang dirancang akan memenuhi piawai etika dan tidak bertentangan dengan syariat. Majlis yang leka dan tidak bermanfaat akan dielakkan kerana semua ahli organisasi berusaha untuk mendapatkan sebuah majlis yang diredhai Allah. Begitu juga semasa penetapan sesuatu matlamat organisasi, nilai ihsan akan memandu warga organisasi agar tidak mengejar matlamat dengan menghalalkan cara yang keji dan buruk. Budaya tidak berintegriti seperti rasuah, melepak, bertangguh kerja dan sebagainya dapat dielakkan dalam organisasi kerana warga organisasi mempunyai kesedaran untuk bekerja dengan amanah dan berakhhlak mulia.

## VI. Kaedah Menghayati Ihsan

Integriti dan ihsan mempunyai hubung kait yang sangat rapat dan perlu bergerak selari. Bagaimana individu dianggap berintegriti bergantung pada nilai ihsan yang ada pada diri individu tersebut. Tanpa nilai ihsan, usaha untuk melakukan kebaikan, memilih kebaikan, berpegang teguh dengan kebaikan tidak dapat dikekalkan kerana manusia tidak menganggap segala amalan yang dilakukan hanya semata-mata kerana Allah. Justeru nilai ihsan perlu dihayati dengan sebaiknya. Antara kaedah untuk menghayati nilai ihsan adalah:

### 6.1 Menyedari Hakikat Sebagai Hamba Allah

Nilai ihsan dimiliki oleh manusia yang menyadari dirinya menjadi hamba kepada Allah S.W.T. Manusia yang meletakkan diri sebagai hamba Allah akan sentiasa merasakan dirinya bertanggungjawab terhadap hak-hak Allah. Sebagai hamba Allah manusia seharusnya menyedari matlamat dan tujuan utama manusia diciptakan seperti firman Allah dalam surah al-Dzariyat ayat 56 yang bermaksud:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.*

(al-Quran, al-Dzariyyat 51: 56)

Allah menjelaskan tujuan penciptaan manusia ke atas muka bumi ini untuk beribadah menyembahnya. Oleh itu manusia yang menjadi hamba kepada Allah perlu sentiasa mengabdikan diri kepada Allah S.W.T dengan melaksanakan segala suruhan Allah dan meninggalkan segala larangan Allah sehingga pada akhirnya mencapai predikat hamba yang bertakwa (*muttaqin*).

### 6.2 Mendekatkan Diri Kepada Allah (JAWI 2015)

Manusia yang menyadari hakikat perhambaan akan menjaga hubungan dirinya dengan Allah dan berusaha secara berterusan mendekatkan diri kepada Allah. Terdapat pelbagai amalan yang dianjurkan oleh Rasulullah s.a.w dalam usaha bertaqqarrub kepada Allah S.W.T, umpamanya berqiamullail, bermuhasabah, serta membaca al- Qur'an dan menghayati isi kandungannya. Manusia dalam apa jua keadaan akan sentiasa berhubung dengan Allah. Manusia yang sentiasa mengingati Allah dalam setiap urusan hidupnya akan berwaspada ketika melakukan sesuatu perbuatan agar tidak bertentangan dengan syariat Islam.

### 6.3 Bermuhasabah diri kepada Allah (JAWI 2015)

Jiwa yang bertaqqarrub kepada Allah akan sentiasa bermuhasabah diri. Muhasabah adalah satu bentuk pemeriksaan dan persediaan diri sebelum dihisab amalan di akhirat (al-Ghazali 2008). Cara bermuhasabah adalah dengan memeriksa segala amal perbuatan seharian pada waktu malam (al-Ghazali 2008). Manusia juga perlu bermuhasabah mengenai hala tuju setelah meninggalkan dunia. Ia sekali gus mendorong hati manusia untuk mengutamakan kehidupan akhirat di samping tidak mengabaikan kehidupan di dunia. Sabda Rasulullah:

*“Orang yang berakal (bijaksana) ialah mereka yang bermuhasabah mengenai dirinya serta melakukan amalan untuk bekalan selepas kematian, dan orang yang lemah ialah mereka yang mengikuti hawa nafsunya, kemudian berharap kepada Allah (agar mengampuni dosanya).”*

(Hadis Hasan, Riwayat Imam al-Tirmizi, daripada Shaddad bin Aus RA)

### 6.4 Menghayati al-Quran dan al-Sunah

Ihsan juga dapat dijiwai melalui penghayatan terhadap al-Quran dan al-Sunah. Al-Quran dan al-Sunah merupakan panduan bagi seluruh umat manusia bagi mengurus kehidupan di dunia. Kandungan al-Quran dan al-Sunah merangkumi segala perintah dan larangan yang telah ditetapkan dan disertai dengan perkhabaran dosa dan pahala, syurga dan neraka.

Oleh itu, manusia yang mengetahui dan menghayati segala kandungan al-Quran dan al-Sunah, akan menyedari tuntutan dan larangan yang telah Allah tetapkan buat manusia. Menyedari larangan dan tuntutan ini menjadikan manusia sentiasa mengawasi tindak kehidupannya agar selari dengan syariat.

## VI. Kesimpulan

Ihsan dan integriti merupakan dua perkara yang saling berhubungan. Manusia dikatakan berintegriti apabila mempunyai peribadi yang kukuh dengan akhlak dan nilai yang baik serta sentiasa berpendirian tegas terhadap kebaikan dalam semua aspek kehidupan. Namun bagaimana untuk mengekalkan integriti yang menjadi persoalannya. Adakah integriti boleh dicapai sekadar dorongan dari majikan, sahabat dan masyarakat sahaja? Pengkaji berpandangan integriti boleh dicapai sekiranya manusia menjiwai nilai ihsan iaitu merasakan Allah sentiasa mengawasi dan melihat perbuatan yang dilakukan manusia. Hasil dari rasa pengawasan menjadikan kita sentiasa melakukan yang terbaik dalam kehidupan. Nilai ihsan juga menjadi pengawal jiwa manusia dari melakukan kesalahan.

## Rujukan

1. Al-Quran Al-Karim & Terjemahan. Al-Quran Darul Iman. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
2. Abu Al-Fadhl, Iyadh Bin Musa Bin Iyadh Al-Yahshobi. 1998. Ikmal Al-Mu'allim Bifawaidi Muslim, Sahih Muslim. Tahqiq Yahya Ismail. Egypt: Dar Al-Wafa'.
3. Al-Ghazali, Muhammad Hamid. 1990. Al-Janib Al-Athifi Min Al-Islam, Bahts Fi Al-Khulq Wa Al Suluk Wa Al-Tashawwuf. Mesir : Dar Al-Dawah.
4. Al-Ghazali, Muhammad Hamid. 2008. Ringkasan Ihya Ulumuddin. Trjmh.Abdul Rosyad Shiddiq. Jakarta: Penerbit Akhbar Media.
5. Al-Syaukani, Muhammad Bin Ali Bin Muhammad. 2009. Tafsir Fathul Qadir. Tjmh. Amir Hamzah Fachruddin & Asep Saefullah. Jakarta: Pustaka Azzam
6. Ath-Thabari, Abu Ja'far Muhammad Bin Jarir. 2007. Tafsir Ath-Thabari. Tjmh. Ahsan Askan. Jakarta: Pustaka Azzam.
7. Carter, Stephen L. 1996. Integrity. New York: Harpercollins Publishers.
8. Desson, K. & Clouthier, J. 2010. Organizational Culture-Why Does It Matter?. The Symposium On International Safeguards, International Atomic Energy Agency Vienna, Austria, Iaea-Cn-184/315. Archived From. [www.iaea.org/safeguards/symposium/2010/documents/papersrepository/315.pdf](http://www.iaea.org/safeguards/symposium/2010/documents/papersrepository/315.pdf) [12 Jun 2017].
9. Dimitrios Belias & Athanasios Koustelios. 2014. Organizational Culture And Job Satisfaction: A Review. Journal Of International Review Of Management And Marketing. 4(2): 132-149.
10. Falih Muhammad Falih Ash-Shughayir. 2009. Meraih Puncak Ihsan. Cet 1. Tjmh. Darwis, Lc. Jakarta: Darussunah.
11. Farisi, Amir Ala'uddin Ali Bin Balban. 2007. Shahih Ibnu Hibban.Tjmh. Muhyiddin Muhyayan & Saiful Rahman Barito. Jakarta: Pustaka Azam.
12. Guido Palazzo. 2007. Organizational Integrity- Understanding The Dimension Of Ethical And Unethical Behaviour In Corporations. Journal Of Corporate Ethics And Corporate Governance. 113-128.
13. Hanafi Hamdani. 2015. Integriti Menurut Hadith Nabi: Kajian Terhadap Kefahaman Kaktangan Pentadbiran UITM Shah Alam. Tesis Sarjana. Jabatan Usuludin, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
14. Hassan Al-Banna, Ab Mumin Ab Ghani & Siti Arni Basir. 2013. Sistem Pengurusan Islam Yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti Dan Cabaran Masa Hadapan. Global Journal Al-Thaqafah. 3(1): 67-84.
15. Imam Nawawi, Muhy Al-Din Al-Nawawi. 2001. Sahih Muslim Bi Syarh Al-Nawawi. Beirut: Dar Al-Maarifah.
16. Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI). 2015. Sifat Ihsan Memandu Kehidupan. Khutbah Jumaat 23 Januari 2015. Retrieved From <http://jawi.gov.my/component/jdownloads/viewdownload/27-jawi-2015/890-sifat-ihsan-memandu-kehidupan>
17. Jamiah Manap Et Al. 2005. Pemantapan Nilai Integriti Individu Sebagai Teras Pembangunan Staf Berkualiti. Seminar Kebangsaan Sumber Manusia. Universiti Teknologi Malaysia, 2&3 Febuari 2005, Johor Baru.
18. Mustafar Haji Ali. 2009. Aplikasi Berkesan Membangun Ummah. . Dlm. Mustafar Ali & Adanan Mat Junoh (Pnyt). Integriti Dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah. Hlm 91-114. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
19. New Oxford Dictionary. 2005. New York: Oxford University Press.
20. Nooh Gadut. 2009. Peranan Keluarga Dalam Pembentukan Keluarga Berintegriti. Dlm. Mustafar Ali & Adanan Mat Junoh (Pnyt). Integriti Dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah. Hlm 91-114. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
21. Olson, L.M., 2002. The Relationship Between Moral Integrity, Psychological Wellbeing And Anxiety. Retrieved April, 23.2017.
22. Othman, H. M. 2012. Pengukuran Integriti Perkhidmatan Awam: Pendekatan Melalui Program Nilai-Nilai Murni. Jurnal Pengurusan Awam. 7–16.
23. Palanski & Yamarino. 2007. Integrity And Leadership: Clearing The Confusion. European Management Journal. Vol 21: 171-184.
24. Palanski & Yamarino. 2009. Integrity And Leadership: A Multi-Level Conceptual Framework. The Leadership Quarterly, 20(3), 405–420.
25. Sayid Qutub. 2000. Tafsir Fil Zilalil Quran, Di Bawah Bayangan Al-Quran. Tjmh. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd.
26. Singh, Kavita. 2001. Work Values And Work Culture In Indian Organizations, Evidence From Automobile Industry. Journal Of Delhi Business Review. 2(2): 17-25.
27. Tharp, Bruce, M. 2009. Defining Culture And Organizational Culture From Anthropology To The Office. Archived From. [Http://www.paragonbusinessfurniture.Com/Documents/Definingcultureandorganizationalculture.Pdf](http://www.paragonbusinessfurniture.Com/Documents/Definingcultureandorganizationalculture.Pdf) [18 Mei 2017]
28. Yusof Haji Othman. 2009. Menghayati Makna Integriti Dari Perspektif Islam. Dlm. Mustafar Ali & Adanan Mat Junoh (Pnyt). Integriti Dan Islam: Aplikasi Berkesan Membangun Ummah. Hlm 91-114. Kuala Lumpur: Institut Integriti Malaysia.
29. Zainal Yang. 2003. Nilai, Etika Dan Budaya Kerja Dalam Pentadbiran Sektor Awam Di Malaysia Dari Perspektif Islam (Satu Imbasan Kembali Tinjauan Karya). Jurnal Pengurusan Awam. 2(1): 45-67.